

# UMS sedia diberi status autonomi

NSF 04.02.2012 3

OLEH MARRYAN RAZAN  
(marryan@newsabahtimes.com.my)

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersedia diberi status autonomi sejajar dengan keputusan kerajaan untuk menganugerahkan status autonomi kepada semua Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di negara ini menjelang tahun 2015.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon (gambar) berkata untuk fasa kedua tahun ini, empat lagi IPTA telah dipilih untuk melalui proses audit kesediaan autonomi termasuklah UMS.

"Pihak pengurusan UMS telah meneliti perkara ini dan sukacita saya maklumkan bahawa UMS bersedia untuk diaudit kesediaan autonomi.

"Proses persediaan untuk audit ini sudah pun bermula dan Jawatankuasa Kerja berkenaan akan melaksanakan tugas mereka dalam masa dua bulan ini," katanya pada Majlis Amanat di Dewan Canselor, di sini, kelmarin.

Kamaruzaman berkata, dokumen Penilaian Kendiri yang disediakan akan dikemukakan kepada Malaysian Productivity Corporation (MPC) melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) selewat-lewatnya 10 April ini, manakala lawatan audit oleh MPC dijangka pada 14 sehingga 16 Mei ini.

"Walaupun terdapat pasukan khas yang bertanggungjawab kepada perkara Audit Kesediaan Autonomi UMS namun kerjasama dan sokongan semua warga universiti amat diper-



lukan," katanya.

Beliau berkata, dengan adanya autonomi pihak IPTA boleh membuat perancangan sendiri dalam usaha menjadi institusi bertaraf dunia selain berkuasa membuat serta melaksanakan keputusan sendiri melalui struktur tadbir urus yang jelas.

Katanya, bermula tahun lalu, IPTA secara berperingkat diaudit dan diukur tahap kesediaan masing-masing untuk diberi status autonomi.

"Pemberian status autonomi ini adalah

berteraskan kepada prinsip integriti dan akauntabiliti. Dalam fasa pertama lima IPTA telah diaudit tentang kesediaan autonomi menggunakan instrument Code of University Good Governance (CUGG) dan University Good Governance Index (UGGI).

"Kesemua IPTA itu didapati memenuhi syarat yang ditetapkan dan layak mendapat autonomi mulai Januari lalu.

"Dengan terlaksananya audit ini nanti, kita akan mengetahui dengan lebih jelas lagi di mana kedudukan serta kelemahan UMS, seterusnya penambahbaikan berterusan akan dilaksanakan," katanya.

Dari segi pembudayaan dan pemerksaan penyelidikan dan inovasi, Kamaruzaman berkata, pelbagai aspek diambil kira termasuklah output penyelidikan seperti penerbitan dan pengkomersilan hasil penyelidikan.

"Setakat ini skor Malaysian Research Assessment Instrument (MyRA) bagi UMS ialah sekitar 45 peratus atau tiga bintang dan untuk mencapai 70 peratus atau empat bintang pada tahun 2015, pencapaian kita dalam setiap komponen perlu dilonjakkan," katanya.

Beliau berkata, UMS akan berusaha untuk mempertingkatkan jumlah penerbitan jurnal sekurang-kurangnya 80 penerbitan tahun ini daripada 51 pada tahun lalu.

"Bilangan produk penyelidikan yang berjaya dikomersilkan dan seterusnya penajaan pendanaan daripada pengkomersilan produk R&D juga tidak membanggakan.

"Sehubungan itu bagi memperkasakan lagi pengumpulan maklumat peringkat UMS

berkaitan MyRA, satu sistem mini MyRA akan diperkenalkan di peringkat Sekolah dan Pusat Penyelidikan bagi membolehkan kita mengenalpasti kekuatan serta kelemahan masing-masing dari aspek penyelidikan dan inovasi," katanya.

Mengenai kedudukan dalam webometric ranking, Kamaruzaman berkata, UMS berada di tempat ke-1,289 peringkat dunia, ke-28 peringkat Asia Tenggara dan ke-8 peringkat Malaysia.

"Kita sedia maklum bahawa kedudukan UMS di kepulauan Borneo yang unik adalah satu pemangkin utama kita dalam menonjolkan kekuatan penyelidikan dan inovasi di peringkat nasional, rantau mahupun global.

"Ketika ini UMS mempunyai beberapa pusat kecemerlangan (CoE) serta nic penyelidikan yang dikenali ramai. Namun setakat ini belum ada CoE di UMS yang diangkat menjadi Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HiCoE).

"Langkah-langkah untuk membina upaya CoE sedia ada perlu ditingkatkan agar sekurang-kurangnya satu darinya menjadi HiCoE suatu masa nanti," katanya.

Kamaruzaman berkata, dalam masa yang sama, usaha hendaklah diteruskan dalam pengkomersilan hasil penyelidikan. Satu inisiatif ke arah ini ialah dengan menubuhkan incubator yang berkaitan.

"Jika perlu Syarikat Terbitan Universiti harus diwujudkan untuk memacu aspek pengkomersilan di UMS," katanya.